

TARIKH	8 / 5 / 2015	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	2	RUANGAN	



ISU LEMBAGA TABUNG HAJI BELI TANAH 1MDB

## APA KATA TH

“Saya tekankan di sini, oleh kerana pihak yang terbabit ialah 1MDB, tindakan ini bukan untuk menyelamatkan syarikat itu. Ia adalah keputusan pelaburan strategik jangka panjang yang kita buat... Penilaian terperinci sudah dilakukan dan kita berpuas hati dengan pulangan yang bakal kita peroleh”

Datuk Johan Abdullah,  
Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif TH

IKUTI PENJELASAN PENUH DI MUKA 2

# Beli tanah TRX bukan langkah selamatkan 1MDB

» Tabung Haji anggap pelaburan mampu beri pulangan lumayan

Oleh Nazura Ngah dan Mahanum Abdul Aziz  
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

Lembaga Tabung Haji (TH) menegaskan pembelian satu plot tanah seluas 0.624 hektar di pusat kewangan Tun Razak Exchange (TRX) bukan tindakan menyelamatkan 1Malaysia Development Bhd (1MDB). Sebaliknya, ia sejajar dengan keputusan pelaburan strategik jangka panjang hasil penilaian dalaman yang terperinci oleh badan penilai bebas profesional.

Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif TH, Datuk Johan Abdullah, berkata TH hanya membeli satu plot tanah pada harga RM188.5 juta membabitkan RM2,773 sekaki persegi, di bawah paras harga pasaran semasa RM2,860 sekaki persegi.

Beliau berkata, pembelian bertujuan membangunkan apartmen servis 40 tingkat membabitkan nilai pembangunan kasar (GDV) RM828 juta. Tegasnya, TH tidak membeli plot tanah kedua, Signature Tower seperti yang dilaporkan oleh blog The Benchmark kerana tidak menepati selera risiko dan purata pulangan yang dikehendakinya.

“Pembelian satu plot tanah itu dilihat mampu memberi



Johan menunjukkan laporan polis berhubung isu Tabung Haji di Ibu Pejabat Polis Dang Wangi, Kuala Lumpur. (FOTO AIZUDDIN SAAD/BH)

pulangan lumayan pada kadar 27 peratus dalam tempoh tiga tahun akan datang yang sejajar dengan sasaran pulangan yang ingin dicapai TH.

“Oleh kerana pihak yang terbabit dengan penjualan tanah adalah 1MDB, maka saya hendak tegaskan di sini pembelian ini bukan langkah menyelamatkan syarikat pelaburan kerajaan itu, sebaliknya pelaburan strategik jangka panjang yang mampu memberi pulangan lumayan,” katanya pada sidang media di Bangunan TH, di sini semalam.

Sidang media itu diadakan untuk menjelaskan kedudukan sebenar pelaburan TH di TRX, sekali gus menangkis laporan blog itu. Blog berkenaan memaparkan dokumen sulit pembelian dua plot tanah TH yang masing-masing bernilai RM194 juta membabitkan RM2,860 bagi satu kaki persegi dan RM578 juta bagi RM3,900 kaki persegi.

Berikut sedutan daripada sidang media berkenaan.

**Soalan (S):** Adakah dokumen yang dipaparkan di blog itu tulen?

**Jawapan (J):** Memang dokumen TH, awak tengok nama saya... saya tandatangan memang betul. Itu sulit, mungkin ada sesetengah pihak yang

hendak menjatuhkan TH. Itu saya tidak boleh buat spekulasi tetapi apa tindakan mengedarkan dokumen sulit itu adalah salah.

**S: Apakah jaminan kepada pendeposit?**

**J:** Jaminannya sudah tentu saya berharap kita dapat memberikan pulangan kepada mereka seperti yang kita lakukan tahun lalu... Kita juga perlu akur dengan keadaan pasaran sekarang, jadi dari segi pelaburan itu, dia punya konsep berlandaskan Al-Wadiah Yad Dhamanah... Ia adalah konsep pelaburan kami yang mana kita adalah pemegang amanah.

**S: Adakah dokumen ini (yang dipaparkan dalam blog) muktamad?**

**J:** Dokumen itu adalah salah satu yang kita buat penilaian. Bila kita buat sesuatu keputusan untuk membuat pelaburan, kita kena sediakan kertas penilaian. Apabila kita sediakan kertas penilaian, ada beberapa perkara yang tidak kemas yang mana pihak jawatankuasa akan tanya dan mahukan maklumat yang lebih lanjut. Saya sebenarnya tidak melihat, saya hanya melihat perkara menyeluruh saja, sama ada ia (dokumen) adalah

dokumen muktamad atau sebaliknya, saya tidak boleh takan.

Yang penting yang saya hendak jelaskan ialah proses keperluan undang-undang. Proses dalam dijalankan dengan sangat ketat dan rapi. Tidak seorang pun yang boleh membuat panggilan tanpa melalui proses dalaman yang ketat itu. Keputusan ini dibuat menerusi panel pelaburan kita, lembaga pengarah kita dan kemudian sampai ke peringkat menteri. Tidak ada isu yang timbul dari segi ketelusan dan proses keperluan undang-undang.

**S: Adakah wujud kemungkinan orang dalam TH sendiri yang mengedarkan dokumen sulit itu?**

**J:** Saya perlu membuat laporan (polis) terlebih dulu. Saya akan membuat maklum balas sendiri terhadap laporan itu kerana kami perlu mencari akar umbinya. Ia tidak adil untuk TH.

**S: Seberapa tadi Datuk kata ia bukan langkah menyelamatkan 1MDB?**

**J:** Ya... ia bukan langkah penyelamatan. Langkah penyelamatan ialah apabila ada orang yang sudah patah kaki, kita pergi letakkan duit butabuta macam itu saja. Anda tahu apa yang saya maksudkan. Yang ini, kita sudah melalui penilaian pelaburan. Pulangan yang sebutkan tadi, jika pulangan tidak menepati apa yang kita mahukan, kita tidak akan melabur.

**S: Adakah ini bermakna tidak ada perkara yang perlu dibimbangkan pendeposit TH?**

**J:** Tidak perlu risau. Kalau hendak keluaran duit... duit akan ada.